

CNS1997

U GB 15-09 00205 BB287

aab

(Ulangan membetulkan jawatan Tan Sri Azizan pada para akhir)

PM LANCAR PROJEK PUSAT BANDARAYA KUALA LUMPUR

Mahathir-projek

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan menyifatkan projek bernilai \$3,000 juta itu sebagai +pembangunan berwawasan+ serta usaha kebangsaan merapatkan lagi kepada matlamat menjadi Malaysia sebagai negara maju.

Perdana Menteri menganggap projek, yang merupakan antara pembangunan hartanah yang terbesar di dunia, itu satu pembangunan simbolik yang diharapkan akan meletak asas untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai metropolis yang utama di peringkat antarabangsa.

Beliau juga menyifatkan projek itu untuk mewujudkan sebuah bandaraya di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur, yang dijangka menjadi mercu tanda baru ibu negara, sebagai satu kebanggaan negara.

+Projek ini merupakan satu usaha kebangsaan penting, yang akan membawa kita setapak lagi ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020,+ katanya dalam ucapan pelancaran pusat berkenaan.

Pusat Bandaraya Kuala Lumpur akan dibangunkan secara berfasa di tapak Padang Lumba Kuda Jalan Ampang di sini pada kawasan seluas 40 hektar. Ia akan dimajukan oleh Kuala Lumpur City Centre Berhad, yang dipengerusikan oleh Presiden Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin. -- Lagi

▼15/09/17-21MST

CNS1977

U GB 15-09 00155 BB283

aab

Mahathir-projek 2 Kuala Lumpur

Kuala Lumpur City Centre Berhad adalah anak syarikat penuh milik Seri Kuda Sdn Bhd.

Separuh daripada kawasan ini (20 hektar) akan dikekalkan sebagai kawasan hijau dengan dibangunkan dengan taman tropika, taman lanskap dan ruang berjalan, seperti diumumkan oleh Azizan pada persidangan akhbar pagi ini.

Keseluruhan projek berkenaan dijangka mengambil antara 15 dan 20 tahun dan pembinaan fasa pertama yang bernilai \$3,000 juta akan dimulakan akhir tahun ini.

Fasa ini akan menempatkan ibu pejabat Petronas di menara kembar setinggi 85 tingkat dengan blok podium membeli belah enam tingkat dan dua bangunan pejabat dan hotel. Fasa ini dijangka siap menjelang 1995.

Fasa-fasa lain akan ditetapkan kemudian berdasarkan permintaan.

Dr Mahathir berkata selain daripada memberi peluang kepada rakyat Malaysia mempertingkatkan tahap kemahiran mereka, projek berkenaan juga adalah simbolik yang mencerminkan komitmen rakyat kepada kejayaan dan kecemerlangan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. -- Lagi

▼15/09/17-08MST

aab

Mahathir-projek 3 Kuala Lumpur

+Lebih penting ia memperlihatkan satu identiti yang menyerlahkan satu budaya yang berbilang kaum.

+Oleh itu, pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur meletakkan kita di satu tahap yang sesuai di samping menyediakan kita melangkah ke hadapan di dalam menempuhi abad ke 21. Ini adalah satu tunjang pembangunan yang kita semua harus bangga,+ kata Perdana Menteri.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata adalah penting bagi menentukan agar asas-asas infrastruktur yang penting dibina selaras dengan perancangan penubuhan atau metropolis yang terkenal.

Menurut beliau lagi, pembangunannya juga harus melambangkan ciri-ciri budaya Malaysia, yang mana berpotensi menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini.

Dr Mahathir juga berharap pusat berkenaan akan memperkenalkan piawai-piawai baru yang tinggi dari aspek reka bentuk, kejuruteraan dan pembinaan. -- Lagi

▼15/09/17-10MST

aab

Mahathir-projek 4 Kuala Lumpur

+Adalah diharapkan ia akan menggunakan teknokasi dan sebagainya,+ katanya.

Beliau turut memuji langkah memperkenalkan sistem pendingin udara yang menggunakan gas cecair asli di pusat itu kelak, selaras dengan dasar kerajaan menggalakkan penggunaan gas cecair asli sebagai sumber tenaga.

Dr Mahathir memuji PETRONAS kerana mengambil peranan utama dalam pembangunan projek berkenaan, sambil menyatakan pengalaman PETRONAS yang luas dalam melaksanakan projek-projek sofistikated akan menjamin projek pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur berjalan licin.

PETRONAS memiliki 51 peratus ekuiti dalam Seri Kuda Sdn Bhd dengan baki 41 peratus dimiliki MAI Holdings Sdn Bhd, Pacific States Investment Limited dan Kelab Lumba Kuda Selangor.

Dr Mahathir juga berharap projek itu akan dicontohi oleh semua syarikat swasta kerana ia mencerminkan usahasama gabungan antara agensi kerajaan dan sektor swasta. -- Lagi

▼15/09/17-13MST

CNS1986

U GB 15-09 00123 BB286

aab

Mahathir-projek 5 (Akhir) Kuala Lumpur

+Dengan menggunakan idea-idea yang inovatif dan kreatif, sektor swasta boleh merancangkan satu-satu idea menjadi kenyataan. Kerajaan pula akan memberi segala sokongan dan galakan demi menentukan supaya suasana pelaburan adalah sesuai.

+Dengan kerjasama di antara pihak kerajaan dan pihak swasta, Malaysia akan lebih berjaya melahirkan pembangunan yang dapat memanfaatkan rakyatnya dan juga generasi yang akan datang,+ katanya.

Perdana Menteri juga mengajak rakyat Malaysia supaya meningkatkan kerjasama mereka untuk membangunkan negara bagi mempercepatkan proses membangunkan Malaysia walaupun prestasi ekonomi negara kini sudah di tahap yang tinggi dan penggunaan teknologi sudah sofistikated.

Katanya, kemajuan ekonomi negara menyebabkan ramai yang menganggap Malaysia sebagai +model untuk dicontohi oleh negara-negara membangun+. -- Bernama

▼15/09/17-15MST